

03 OCT 2002
WEF-CHINA/I
CHINA DIJANGKA TERAJUI PEMULIHAN EKONOMI GLOBAL

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Dengan ketiadaan Amerika Syarikat, Eropah atau Jepun, China semakin dianggap sebagai kuasa yang akan menjana pemulihan ekonomi global memandangkan perkembangannya yang pesat dengan kebanjiran pelaburan langsung asing yang belum pernah disaksikan sebelumnya.

Frank-Jurgen Richter, pengarah Forum Ekonomi Dunia yang beribu pejabat di Geneva bagi Asia, berkata bahawa selain China yang menjadi enjin pertumbuhan, Malaysia dan Korea Selatan juga boleh memacu pertumbuhan memandangkan pemulihan cemerlang mereka daripada krisis kewangan serantau yang melanda pada tahun 1997.

Kata beliau, di tengah-tengah keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan krisis keyakinan yang dialami Amerika, perhatian telah beralih kepada Asia yang pernah dilanda krisis, untuk memainkan peranan peneraju dalam pemulihan ekonomi dunia.

"Saya percaya AS akan pulih tetapi ia tidak akan memainkan peranan sepertimana yang dimainkannya dalam tahun-tahun 1990-an. Jadi, kita perlu mencari enjin pertumbuhan yang baru. Satu daripada enjin pertumbuhan ini mungkin Eropah tetapi hanya di Eropah. Saya tidak nampak banyak tanda-tanda pertumbuhan. Saya rasa, harapan yang ada ialah Asia dan saya rasa kita boleh mengharapakan China."

Asia boleh berkembang berlandaskan kejayaan China, memandangkan pelabur-pelabur asing semakin banyak menghantar pulang hasil pelaburan, dan firma-firma China yang tumbuh begitu pesat," katanya kepada pemberita selepas sidang media yang diadakan bagi mengumumkan perincian Forum Ekonomi Dunia (WEF) dan Sidang Kemuncak Asia Timur di sini, hari ini.

"China mungkin beralih daripada ekonomi tempatan kepada FDI," kata Richter, yang telah menulis beberapa buah buku mengenai perniagaan dan ekonomi Asia.

"Ini akan memberikan kesan langsung ke atas pertumbuhannya sendiri, yang selama ini berada pada tahap purata 7.0 peratus, dan pertumbuhan ekonomi dunia," katanya.

Bagi Malaysia, sesungguhnya, ia merupakan "sebutir bintang" di rantau Asia Tenggara dengan asas-asas ekonominya yang kukuh.

"Kita harus melihat pada asas-asasnya dahulu. Kita boleh lihat asas-asas ini di Korea Selatan dan Malaysia yang kini muncul lebih baik (selepas krisis)," katanya.

Katanya, kedudukan ekonomi setakat ini "memberi isyarat bahawa Asia sedang menuju ke arah pemulihan. Saya rasa, penduduk Asia bersikap pragmatik dan Asia akan menemui banyak penyelesaian."

Malaysia akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Asia Timur ke-11 yang dianjurkan oleh WEF dari 6 hingga 8 Oktober.

Seramai 800 peserta dari 23 negara dijangka menghadiri WEF dan Forum Ekonomi Asia Timur. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan rakan sejawatannya dari Thailand, Thaksin Shinawatra dan dari Singapura Goh Chok Tong, dijangka mengambil bahagian dalam perbincangan pada forum tersebut.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucaptamanya pada forum itu Ahad ini.

Richter berkata bahawa walaupun ini adalah forum perniagaan, namun perbincangan-perbincangannya yang berbentuk interaktif akan membolehkan tajuk-tajuk perbincangan berkaitan kesihatan seperti AIDs diberikan ruang selain daripada isu-isu seperti tanggungjawab korporat.

Ini bertujuan memperkukuhkan sistem tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat perniagaan antarabangsa di mana aliran sekarang seharusnya adalah "melindungi yang kalah dan bukan hanya yang menang".

Kata Richter, konsep Asean + tiga yang diketengahkan oleh Malaysia lebih 10 tahun lalu dan kini semakin berkembang dalam Asean adalah penting dalam usaha ke arah penyepaduan serantau dan memperkukuhkan ikatan ekonomi serantau bagi menangkis masalah kewangan.

Richter juga berkata bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menggarap visi bagi masa depan generasi muda kerana ia penting untuk menempatkan mereka pada kedudukan penting dalam perkhidmatan awam.

Pada WEF ini, Abdullah juga dijangka merasmikan Kumpulan Pemimpin Muda Asia yang terdiri daripada seramai 40 ketua pegawai eksekutif muda.

Tan Sri Hassan Marican, presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas, penaja utama persidangan ini, berkata bahawa sidang kemuncak itu merupakan peluang baik bagi Malaysia memperkenalkan negara ini.

"Saya rasa ia adalah peluang baik bagi kita memperlihatkan dasar-dasar liberal dan sederhana yang kita ada sebagai sebuah negara dan keupayaan kita bertolak ansur dan menerima pelbagai kepercayaan dan budaya di kalangan kita," katanya. -- BERNAMA

MR/TCL/MAS KTC KY JR